

# Tak mampu tampung perbelanjaan

Kos pemeriksaan dan keperluan kesihatan antara masalah berjaya dikesan Pejabat Dun Morib

**MORIB** - Pejabat Adun Morib mengenal pasti terdapat ramai penduduk berdepan masalah perbelanjaan pemeriksaan dan keperluan kesihatan dalam keluarga terutama membabitkan pesakit kronik.

Adun Morib, Hasnul Baharudin berkata, sebahagian keluarga memerlukan perbelanjaan mencecah RM5,000 sebulan termasuk bagi pembelian lampin pakai buang dan susu yang terpaksa diberikan melalui tiub.

"Melalui program Ziarah Medik Selangor yang dianjurkan Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Ahwi di Dun Morib pelbagai masalah membabitkan kesihatan penduduk

dapat dikesan.

"Segala bentuk bantuan kerjasama sudah diwujudkan supaya pesakit yang dikenal pasti mendapat bantuan sewajarnya. Namun dari segi bilangan yang terlibat masih lagi sedikit iaitu dalam 20 orang," katanya kepada *Sinar Harian* selepas program berkenaan.

Hasnul berkata, beliau mendapati respons penduduk sangat baik ketika ziarah dilakukan dan keadaan itu membantu meringankan beban keluarga terbabit.

"Dalam masa sama, kita memperkenalkan Kad Peduli Sihat supaya mereka dapat menikmati bantuan yang diberikan dengan sebaiknya. Setakat ini kita menerima sebanyak 3,000 permohonan dan

**INFO** • Terdapat keluarga memerlukan perbelanjaan mencecah RM5,000 sebulan bagi membeli lampin pakai buang dan susu yang terpaksa diberikan melalui tiub.

tentunya bantuan Sihat Selangor dapat meringankan beban mereka.

"Kita juga dalam usaha membantu rakyat mendapatkan bantuan kesihatan supaya dapat meringankan beban, kita tak nak dengar kerajaan negeri tak menjaga kebajikan rakyat dalam aspek kesihatan," katanya.



Hasnul (dua, kiri, duduk) ketika mengadakan Ziarah Medik di Dun Morib.

Keluarkan duit sendiri demi pertandingan Inovasi Desa



Haslim (dua, kiri) bergambar bersama sebahagian penduduk Kampung Sungai Kelambu selepas menerima Naib Johan Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Kuala Langat di Dewan Sri Jugra

**SUNGAI KELAMBU** - Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Kelambu mengakui mengeluarkan wang sendiri untuk memastikan kemenangan dalam Anugerah Kampung Tradisi Terbaik di Daerah Kuala Langat.

Ketua Kampungnya, Zamri Surif berkata, walaupun hanya naib johan, beliau bersyukur masih terpilih mewakili daerah ke peringkat negeri dalam Anugerah Inovasi Desa Peringkat Negeri sekaligus membawa nama daerah Kuala Langat.

"Paling penting, kami nak

pastikan penilaian juri dalam anugerah inovasi desa nanti berpihak kepada kami dan sudah pasti pelbagai kejutan akan dibuat dalam memastikan kampung kami menjadi johan negeri pula.

"Saya fikir bila kampung kita ketengahkan pelbagai inovasi, sudah pasti kampung kita mula dikenali dan paling menarik, mungkin inovasi kita dapat dikomersialkan," katanya.

Zamri berkata, semua pihak mahu memastikan produk kampungnya dapat dikenali lebih-lebih lagi selepas mendapat diumumkan Naib

Johan Anugerah Kampung Tradisi Terbaik Kuala Langat. Sementara itu, Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hasan ketika ditemui berkata, beliau bangga apabila dua buah kampungnya menyertai anugerah tersebut.

"Kampung Sungai Kelambu dan Kampung Endah antara kampung yang boleh diketengahkan dan mempunyai potensi.

"Saya yakin Kampung Sungai Kelambu bakal mendapat tempat dalam Anugerah Inovasi Desa Peringkat Negeri yang bakal diadakan minggu ini," katanya.

## Bajet MP Sepang lebih kepada pentadbiran sistematik

**SEPANG** - Pembentangan Bajet 2018 dengan tema Bajet Mampuan Rakyat Sejahtera Majlis Perbandaran (MP) Sepang dilihat sebagai satu usaha untuk tadbir yang berersistematik.

Yang Dipertuannya, Datuk Puasa Md Taib berkata, menjelang tahun 2018, Sepang adalah sebuah daerah yang semakin maju dan berkembang pesat dengan pertambahan bilangan harta tanah termasuk bangunan, pejabat, hotel, rumah kediaman, premis perniagaan dan hotel.

"Dalam usaha mentadbir urus yang cemerlang, MP Sepang membuat kajian terperinci dalam menyediakan Bajet 2018 bagi menunjukkan majlis sentiasa mengamalkan konsep akauntabiliti dalam pengurusan kewangan.

"Penyediaan Bajet 2018 ini mengambil kira prestasi pencapaian Bajet 2016, dan pencapaian separuh penggal pertama 2017," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, kepesatan daerah itu juga menjadi cabaran kepada MP Sepang mentadbir urus selain memenuhi keperluan dan kehendak penduduk dan warga Sepang.

"MP Sepang menasaskan tujuh strategi bajet iaitu dengan mempelbagaikan punca pendapatan majlis melalui penambahan

hasil hasil baru dan sedia ada dan meneruskan perbelanjaan berhemah.

"Selain itu kita perlu memperkuatkan program back to basic dengan mengutamakan asas seperti rumput, saliran, jalan dan sampah selain melaksanakan gardening concept.

Puasa berkata, strategi juga melibatkan peningkatan pencapaian pelanggan kepada sistem penyampaian, memperkembangkan program kemasyarakatan dan kebajikan, meningkatkan kesedaran dan pelaksanaan inisiatif hijau serta menekankan aspek program pembangunan.

"Kedudukan kewangan majlis buat masa ini berada dalam kedudukan yang stabil dan diharapkan kadar pertumbuhan serta prestasi kewangan majlis akan bertambah kukuh. Bagi tahun 2018 tiada kenaikan akan dikenakan ke atas kadar cukai taksiran," katanya.

Dalam pada itu, anggaran bajet 2018 disediakan dengan anggaran hasil berjumlah RM 150 juta dan anggaran perbelanjaan berjumlah RM 149.95 juta manakala lebihan bajet 2018 adalah berjumlah RM 50,000.

Menurutnya, peratusan anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 adalah sebanyak 71 peratus manakala peratusan anggaran perbelanjaan pembangunan sebanyak 29 peratus bagi tahun 2017.



PUASA